

## KONGRES NASIONAL PKR 2019

# PKR sasar satu juta ahli tahun depan

*Hanya perlukan pertambahan 52,000 ahli untuk capai matlamat terbabit*

MELAKA

**P**arti Keadilan Rakyat (PKR) yang kini mempunyai 948,239 ahli menyasarkan keanggotaan satu juta ahli menjelang kongres parti itu tahun depan.

Setiausaha Agung PKR, Datu Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, PKR ditubuhkan pada April 1999 bermula dengan keahlian awal seramai 4,193 orang.

Menurutnya, PKR kini juga satu-satunya parti yang berjaya menubuhkan cabang di kesemua 222 kawasan Parlimen seluruh negara.

"Data sehingga 15 November 2019, kita cuma kurang 52,000

ahli lagi untuk cecah satu juta anggota.

"Harap pada akhir kongres esok, sidang perwakilan, pemerhati dan penggerak parti akan balik dengan fokus baharu.

"Dapatkan lagi ahli baharu supaya kongres tahun depan kita ada satu juta anggota. Ini sasaran utama kita," katanya dalam ucapan aluan Kongres Nasional PKR 2019 di Pusat Perdagangan An-

tarabangsa Melaka (MITC) di Ayer Keroh di sini semalam.

Saifuddin Nasution berkata, Sabah mencatatkan pertambahan ahli luar biasa dengan lonjakan kepada 168,000 ahli ketika ini berbanding 146,000 ahli pada Mei tahun lepas.

Menurutnya, Sarawak yang dahulunya mempunyai 57,000 ahli kini mencatatkan pertambahan dan mencecah kepada 78,000 ahli.

"Johor dari 39,000 ahli sekarang mempunyai 49,000 ahli. Perak dan Kedah juga bertambah seramai 10,000 ahli baharu.

"Kelantan merekodkan pencapaian tinggi luar biasa dengan pertambahan 11,000 ahli.

"Setakat ini Selangor masih mendahului keanggotaan paling ramai diikuti Sabah, Sarawak, Perak, Kedah dan Pulau Pinang," katanya.



Saifuddin berucap pada Kongres Nasional PKR 2019 di Melaka semalam.



Ahli-ahli PKR yang hadir pada Kongres Nasional PKR di Melaka semalam.